



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSEP TAKDIR DALAM SASTERA SEJARAH MELALUI PERANAN PENGARANG ISTANA BERDASARKAN KERANGKA MODEL KHAS

NOR ANITA BINTI MAT ISA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSEP TAKDIR DALAM SASTERA SEJARAH MELALUI
PERANAN PENGARANG ISTANA BERDASARKAN
KERANGKA MODEL KHAS

NOR ANITA BINTI MAT ISA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAAN MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **20** (hari bulan) **09** (bulan) **2019**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NOR ANITA BINTI MAT ISA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KONSEP TAKDIR DALAM SASTERA SEJARAH MELALUI PERANAN PENGARANG ISTANA BERDASARKAN KERANGKA MODEL KHAS** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA. DR. NORAZIMAH BINTI ZAKARIA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KONSEP TAKDIR DALAM SASTERA SEJARAH MELALUI PERANAN PENGARANG ISTANA BERDASARKAN KERANGKA MODEL KHAS** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Konsep takdir dalam sastra sejarah melalui peranan pengarang istana berdasarkan kerangka model khas

No. Matrik /Matric's No.: P20151000119

Saya / I: Nor Anita Binti Mat Isa

mengaku membenarkan Tesis Sarjana ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

- | | | |
|--------------------------|-----------------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | SULIT/CONFIDENTIAL | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / <i>Contains confidential information under the Official Secret Act 1972</i> |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD/RESTRICTED | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / <i>Contains restricted information as specified by the organization where research was done.</i> |
| <input type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS | |

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

Tarikh: _____

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

TAKDIR

ketika takdir tidak menyebelahiku
ada kalanya aku tidak kuat
menangis dalam sunyi
sembunyikan kedukaan yang sangat perit untuk dilalui
andainya takdir itu boleh direncana
mengikut kemahuan manusia,
pasti tiada linangan air mata
namun...
siapalah aku
insan kerdil yang sentiasa menagih rahmat-Mu
pemilik kerajaan seluruh alam

Ya Rabb
sepahit apa takdir yang Kau hadiahkan
aku reda
takdir-Mu tidak pernah salah
aku percaya
tidak ada sesuatu perkara pun yang Kau jadikan itu dengan sia-sia
aku yakin

kesakitan itu cuma sementara
abah

tiada daya upaya anakanda membalas segala jasa abah
hanya bisikan kalimah suci
mampu anakanda titipkan sayup ditelingamu
terima kasih atas segala kasih sayang
semoga abah tenang bersama-sama para solehin
di taman-taman syurga-Mu
Al-Fatihah

Dedikasi untuk arwah abah Allahyarham Hj. Mat Isa Bin Md. Nor
(01 April 1941 – 17 Mei 2018/1 Ramadhan 1439H)

PENGHARGAAN

Bismillahir Rahmaanir Rahiimm

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih”

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan rahmat-Nya, disertasi ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang sewajarnya. Sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan terlalu banyak rintangan dan dugaan yang dihadapi. Sesungguhnya, Allah s.w.t jua yang mempermudah urusan penyelidik sehingga berjaya menyempurnakan disertasi ini. Dikeempatan ini, penyelidik juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia utama iaitu Prof. Madya Dr. Norazimah Zakaria dan penyelia bersama iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali yang tidak pernah jemu memberi panduan dan bimbingan secara langsung untuk menyiapkan penyelidikan ilmiah ini dengan jaya. Berkat kerjasama dan bantuan daripada pihak penyelia dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar, sumbangan idea dan bahan, galakan serta nasihat telah membangkitkan semangat penyelidik untuk meneruskan kajian ilmiah ini sehingga ke penghujungnya.

Tidak lupa juga kepada insan yang banyak memberi inspirasi, suami tercinta Ibrahim Yop Mohd Nasir, dan putera puteri yang dikasihi (Ahmad Isyraq Haikal, Nur Shafiqah Najwa, Nur Durrotul Husniah dan Ahmad Ikhwan Hakimi) kerana begitu memahami tanggungjawab penyelidik untuk menamatkan pengajian di peringkat kedoktoran ini. Teristimewa kepada ayahanda tercinta Allahyarham Hj. Mat Isa Md. Noor, dan bonda yang dikasihi Nor Azwan Mat Saad, jutaan terima kasih diucapkan kerana tidak putus-putus mendoakan kejayaan penyelidik dalam berjihad menuntut ilmu. Sesungguhnya, segala pengorbanan dan jasa yang dicurahkan oleh ayahanda dan bonda terhadap penyelidik tidak terbalas dunia dan akhirat. Akhir kata, penyelidik mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis takdir dan contoh peristiwa yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin*, menghuraikan peranan pengarang berdasarkan pendekatan *Idea Of The Book* dan teori Takmilah. Kajian ini juga dilakukan untuk menganalisis peristiwa takdir sebagai medium dakwah, kemasyarakatan, dan seni dalam teks *Sulalatus Salatin* berdasarkan kerangka Model Koster, Hashim Awang dan Shafie Abu Bakar (KHAS). Penyelidikan ini menggunakan gabungan beberapa prinsip yang dipilih berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang), Takmilah (Shafie Abu Bakar), dan Pendekatan *Idea Of The Book* (Koster). Kaedah kualitatif digunakan untuk membuat penelitian terhadap analisis kandungan teks yang terdapat dalam genre sastera sejarah. Data-data dalam penyelidikan ini terbahagi kepada dua iaitu data primer yang terdiri daripada teks *Sulalatus Salatin* versi A. Samad Ahmad dan data sekunder yang diperoleh daripada pelbagai sumber ilmiah bagi mengukuhkan dapatan kajian. Melalui kajian ini, ternyata kebanyakan peristiwa takdir yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin* ini mempunyai hubungan rapat dengan pendekatan keagamaan, pendekatan takmilah, dan Pendekatan *Idea Of The Book* yang menggesa umat-Nya melakukan kebaikan, dan mencegah kemungkaran dalam memastikan kemakmuran sesebuah negara itu. Ketiga-tiga pendekatan ini bergerak seiring dalam melengkapkan makna istilah takdir sama ada dari sudut bahasa mahupun agama. Implikasi penganalisan teks *Sulalatus Salatin* ini membuktikan bahawa konsep takdir sememangnya terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi khususnya dalam pemerintahan raja-raja Melayu pada ketika itu. Kepelbagaian takdir yang berlaku sama ada baik atau buruk terhadap sesebuah masyarakat Melayu tradisi telah memberi kesempatan kepada pengarang istana untuk menyampaikan tarbiah, dan ibrah kepada masyarakatnya. Kebijakan pengarang istana dalam mengolah penceritaan teks *Sulalatus Salatin* jelas meninggalkan impak positif kepada penyelidikan ini kerana terbukti bahawa takdir yang berlaku dalam teks *Sulalatus Salatin* ini sebenarnya ditentukan oleh Tuhan Pencipta sekaligus alam (Allah s.w.t).





THE CONCEPT OF FATE IN HISTORY LITERATUR THROUGH THE ROLES OF THE PALACE'S AUTHOR BASED OF MODEL KOSTER, HASHIM AWANG AND SHAFIE ABU BAKAR (KHAS)

ABSTRACT

The study aims to identify the types of destiny and examples of events contained in *Sulalatus Salatin's* text, describing the role of authors based on the Idea of The Book approach and the Takmilah theory. This study was also conducted to analyze the destiny events as a medium of Dawah, community, and aesthetic in *Sulalatus Salatin's* text based on the Koster Model framework, Hashim Awang and Shafie Abu Bakar (KHAS). This research uses a combination of selected principles based on the theory of Malay Studies (Hashim Awang), Takmilah (Shafie Abu Bakar), and Idea of The Book (Koster) Approach. Qualitative methods are used to research, the analysis of the textual content found in the historical literature genre. The data in this study are divided into two, the primary data comprising of A. Samad Ahmad's version *Sulalatus Salatin's* text and secondary data obtained from various scientific sources to strengthen the findings of the study. Through this study, it is clear that most of the destiny events contained in *Sulalatus Salatin's* text have a very close relationship with religious approaches, Takmilah, and Idea of The Book approach that urges the Ummah to do good, and to prevent decadence in ensuring the prosperity of a country. These three approaches are in linear in completing the meaning of destiny's term either from the point of language or religion. The implication of *Sulalatus Salatin's* analysis of the text proves that the concept of destiny is inherently exists in the life of the traditional Malay community, especially during the reign of the Malay rulers at that era. The diversity of fate that happen whether good or bad to a traditional Malay community has given the palace's author an opportunity to deliver Tarbiyyah, and Ibrah to their community. The wisdom of the palace's author in the creating the storytelling of *Sulalatus Salatin's* text clearly leaves a positive impact on this research as it is evident that the destiny of the *Sulalatus Salatin's* text is actually determined by Almighty God, the Creator of this realm (Allah s.w.t).



KANDUNGAN

	Muka Surat	
PENGAKUAN	ii	
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii	
PENGHARGAAN	iv	
ABSTRAK	v	
ABSTRACT	vi	
KANDUNGAN	vii	
SENARAI JADUAL	xii	
SENARAI RAJAH	xiii	
SENARAI SINGKATAN	xiv	
BAB 1 PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	9
1.2.1	<i>Sulalatus Salatin</i> atau <i>Sejarah Melayu</i>	10
1.2.1.1	Kepelbagaian versi teks <i>Sulalatus Salatin</i> Atau <i>Sejarah Melayu</i>	11
1.2.1.2	Kepelbagaian polemik versi Teks <i>Sulalatus</i> <i>Salatin</i> atau <i>Sejarah Melayu</i>	17
1.2.1.3	Kesimpulan	27
1.3	Pernyataan Masalah	28
1.4	Objektif Kajian	33
1.5	Soalan Kajian	33

1.6	Kepentingan Kajian	34
1.7	Batasan Kajian	36
1.8	Definisi Istilah Dan Operasional	37
1.8.1	Takdir	37
1.8.2	Sastera Sejarah	42
1.8.3	Peranan Pengarang Istana	43

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	46
2.2	Literatur Berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu	47
2.3	Literatur Berkaitan Teori Takmilah	62
2.4	Literatur Berkaitan Pendekatan <i>Idea of The Book</i>	70
2.5	Literatur Berkaitan Konsep Takdir	72
2.6	Literatur Berkaitan <i>Sulalatus Salatin</i> Atau <i>Sejarah Melayu</i>	75
2.7	Literatur Berkaitan Peranan Pengarang Istana	82
2.8	Kesimpulan	90

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	94
3.2	Reka Bentuk Kajian	95
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	96
3.3	Instrumen Kajian	97
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	98
3.5	Penganalisan Data	98

3.6	Aplikasi Teori	100
3.6.1	Teori Pengkaedahan Melayu	100
3.6.2	Teori Takmilah	111
3.6.3	Pendekatan <i>Idea of the Book</i>	128
3.7	Gabungan Beberapa Prinsip yang Dipilih daripada Teori Takmilah, Pengkaedahan Melayu dan Pendekatan <i>Idea of The Book</i>	131
3.7.1	Pemilihan Prinsip-prinsip dalam Teori Pengkaedahan Melayu, Takmilah dan Pendekatan <i>Idea of the Book</i>	133
3.7.1.1	Prinsip Pencerita Sebagai Dagang dan Pengkarya Mengistimalkan Diri	136
3.7.1.2	Prinsip Kemasyarakatan	137
3.7.1.3	Prinsip Seni	138
3.7.1.4	Prinsip Dakwah	139
3.7.1.5	Takdir Sebagai Qada Dan Qadar	140
3.7.2	Kesimpulan	142

BAB 4 ANALISIS KONSEP TAKDIR

4.1	Pengenalan	144
4.1.1	Jenis-jenis Takdir Dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	146
4.2	Peranan Pengarang Berdasarkan Pendekatan <i>Idea of The Book</i> dan Teori Takmilah dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	161
4.2.1	Pengarang Istana dan Alat Kawalan Raja	162
4.2.2	Penyalin dan Kaitannya Dengan Penulis Sezaman	176
4.2.3	Dagang Yang Bermanfaat	183
4.2.4	Kesimpulan	190

4.3	Peristiwa Takdir Sebagai Medium Dakwah, Kemasyarakatan dan Seni dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i> berdasarkan Kerangka Model KHAS	193
4.3.1	Takdir Sebagai Medium Dakwah	193
4.3.1.1	Dakwah Tentang Sejarah Asal Usul Manusia	194
4.3.1.2	Dakwah Tentang Kelahiran Keturunan Raja-Raja Melayu	204
4.3.1.3	Dakwah Tentang Usia Dan Ajal	213
4.3.1.4	Dakwah Tentang Kontrak Sosial (Wa'ad)	224
4.3.1.5	Dakwah Tentang Wasiat	231
4.3.1.6	Dakwah Tentang Pengislaman Raja-Raja Melayu	241
4.3.2	Takdir Sebagai Medium Kemasyarakatan	251
4.3.2.1	Takdir Baik	252
4.3.2.1.1	Masyarakat yang Bersyukur dengan Rezeki daripada Allah	252
4.3.2.1.2	Masyarakat yang Bijaksana	264
4.3.2.1.3	Masyarakat yang Mengutamakan Kesihatan dan Kesejahteraan Hidup	274
4.3.2.1.4	Masyarakat Yang Mementingkan Perihal Jodoh	276
4.3.2.2	Takdir Buruk	279
4.3.2.2.1	Kifarah	279
4.3.2.2.2	Bala	283
4.3.2.2.3	Ibtila'	299

4.3.3	Takdir Sebagai Medium Seni	308
4.3.3.1	Keindahan dalam dan Luaran Teks <i>Sulalatus Salatin</i> Yang Mengandung Mesej Pengarang Istana	309
4.3.3.1.1	Perlambangan Seni Kreativiti dan Kritis Pengarang	310
4.3.3.1.2	Mitos yang Dimetaforakan oleh Pengarang	316
4.3.4	Kesimpulan	325

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	330
5.2	Dapatan Kajian	331
5.2.1	Analisis Konsep Takdir	334
5.2.1.1	Jenis-Jenis Takdir dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	335
5.2.1.2	Peranan Pengarang Berdasarkan Pendekatan <i>Idea of The Book</i> dan Teori Takmilah dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	335
5.2.1.3	Peristiwa Takdir Sebagai Medium Dakwah, Kemasyarakatan, dan Seni dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	337
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	340
5.3.1	Pencapaian Objektif Kajian	340
5.4	Saranan Dan Cadangan	343
5.5	Kesimpulan	345

RUJUKAN		348
----------------	--	------------

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Versi-Versi <i>Sulalatus Salatin</i> atau <i>Sejarah Melayu</i>	14
4.1	Takdir Mubram	155
4.2	Takdir Mu'allaq	156

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	95
3.2 Kerangka Teori Pengkaedahan Melayu	105
3.3 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal	116
3.4 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil	117
3.5 Prinsip Islam Yang Bersifat Akmal	119
3.6 Prinsip Ilmu Dengan Sastera Bersifat Takumul	120
3.7 Prinsip Sastera Bercirikan Estetika Dan Bersifat Takmilah	122
3.8 Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri	124
3.9 Prinsip Khalayak Ke Arah Insan Kamil	126
3.10 Pendekatan <i>Idea of the Book</i>	129
3.11 Gabungan Beberapa Prinsip Takmilah, Pengkaedahan Melayu dan Pendekatan <i>Idea of the Book</i>	132
3.12 Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang)	133
3.13 Takmilah (Shafie Abu Bakar)	134
3.14 Konsep <i>Idea of the Book</i> (Koster)	134
3.15 Kerangka Konsep Model KHAS	135

SENARAI SINGKATAN

Model KHAS

Akronim Berdasarkan Gabungan Nama-Nama Pengasas Teori dan Pendekatan (Koster, Hashim Awang, dan Shafie Abu Bakar - KHAS)

BAB 1

PENGENALAN

Hasil kesusasteraan merupakan salah satu cabang seni yang mempunyai keistimewaan tersendiri sama ada dari segi jalan ceritanya, keunikan gaya bahasa serta mengandungi isi yang menarik dan berfaedah. Lazimnya, hasil kesusasteraan lama atau sastera klasik merujuk kepada hasil-hasil tulisan yang dikarang sejak beberapa abad yang lalu. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat Melayu tradisi yang belum mengenal huruf dan tulisan, sastera yang berbentuk lisan telah berkembang dengan meluas. Masyarakat tradisi telah menjadikan sastera lisan sebagai bahan pengajaran yang berkesan pada zamannya. Oleh itu, apabila dikaji tahap-tahap perkembangan kesusasteraan Melayu yang berbentuk lisan, sastera rakyat merupakan sastera tertua dalam masyarakat Melayu.



Sebenarnya, hasil kesusasteraan lama dapat melambangkan pemikiran, falsafah, pendapat dan jiwa rakyat atau masyarakat pada zaman terciptanya hasil kesusasteraan tersebut. Dalam konteks ini, perkembangan yang gemilang bagi kesusasteraan Melayu tradisional berlaku pada zaman sastera bertulis yang bermula pada kurun ke-15 Masihi setelah beberapa kurun kedatangan Islam sehingga kurun ke-18 Masihi, iaitu setelah penjajahan Inggeris dan Belanda yang mengukuhkan pengaruhnya di Nusantara. Kegemilangan hasil kesusasteraan lama pada zaman ini ditandai dengan kewujudan begitu banyak judul dalam pelbagai jenis karya seperti hikayat-hikayat bersifat roman, epik, hikayat-hikayat teladan, sastera sejarah, cerita-cerita tentang Nabi Muhammad dan nabi-nabi, sahabat-sahabat nabi dan sebagainya.

Melalui perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional pada era keemasan ini, beberapa perkara dapat dikaitkan dengan kedudukan mod lama (sastera lisan) setelah berhadapan dengan mod baharu (sastera tulisan). Ali Ahmad (2007, hlmn. 6) ada mengatakan bahawa perkara ini berlaku kerana tidak secara automatik seluruh anggota masyarakat Melayu menjadi celik huruf. Hal ini dikatakan demikian kerana pada zaman tradisional, pendidikan tidak dijadikan dasar formal oleh pemerintahan feudal dan atas sebab itulah sastera tulisan hanya terhad kepada golongan istana serta golongan yang berada bersama-sama lingkungan ulama. Pendek kata, hasil kesusasteraan walaupun banyak yang ditulis namun masih lagi disampaikan secara lisan, iaitu penceritaan disampaikan melalui pembacaan kepada khalayak atau masyarakat sezaman. Kesusasteraan rakyat masih hidup secara autonomi tanpa sekatan daripada mana-mana pihak malahan karya-karya sastera bercorak sejarah, agama, epik, legenda dan sebagainya turut sama disebarkan secara selari dengan karya-karya yang diwarisi daripada zaman sebelumnya.





Karya-karya tradisional yang dimiliki bangsa Melayu pada hari ini berfungsi dalam mencerminkan peradaban dan martabat sesuatu bangsa itu. Tambahan pula karya-karya sastra Melayu tradisional merupakan pancaran kehidupan masyarakat Melayu yang meliputi sejarah dan budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Menurut Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad (1993, hlmn. 280), konsep sastra sejarah tradisional Melayu mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan konsep masa yang berhubung dengan konsep sejarah itu. Senario ini serba sedikit memanifestasikan serba sedikit latar belakang perkembangan masyarakat Melayu tradisional yang bertanggungjawab melahirkan karya-karya kesusasteraan yang mengandungi unsur-unsur sejarah. Jadi, genre sesuatu penulisan itu ditentukan oleh isi dan unsur yang terdapat dalam karya sastra sejarah itu sendiri iaitu hasil-hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah atau unsur-unsur yang bersifat sejarah, mengikut konsep dan ukuran masyarakat sezaman yang menghasilkan karya tersebut.

Sehubungan dengan itu, karya sastra sejarah adalah suatu bentuk penulisan yang menggabungkan unsur-unsur penulisan sejarah dengan unsur-unsur penulisan bukan sejarah atau sastra. Kedua-dua unsur tersebut diolah dengan kreatif dan kritis oleh pengarang istana Melayu untuk menggambarkan konsep sejarah zaman silam masyarakat Melayu. Lazimnya, karya sastra sejarah dihasilkan berdasarkan fantasi penulis atau atas perintah raja, tetapi sejarah yang ditulis adalah berdasarkan fakta sebenar. Sastra sejarah bermula dengan kepercayaan tentang adanya sesuatu, sedangkan sejarah bermula dengan pembuktian adanya sesuatu. Oleh itu, hubungan yang erat dapat dilihat antara sastra sejarah dengan legenda. Kadangkala, sastra sejarah dengan legenda tidak dapat dipisahkan. Karya-karya tersebut dikatakan





sebagai sastera sejarah kerana mengandungi unsur-unsur sejarah tetapi ditulis dalam bentuk sastera dan ini adalah sifat mutlak di dalam hasil sastera sejarah.

Mohd. Taib Osman (1974, hlmn. 48) menjelaskan bahawa karya sastera sejarah hanya dapat digunakan sebagai memberi gambaran peradaban masyarakat, konsep beraja dan corak pemikiran masyarakat pada zaman itu. Walau bagaimanapun, karya sastera sejarah tidak boleh disamakan dengan pengertian sejarah dalam konsep moden pada masa sekarang yang dianggap sebagai salah satu cabang sains yang menginterpretasikan masa lampau dengan berdasarkan kenyataan atau fakta yang secara terasing dan dikaji dengan tujuan untuk memberi fakta yang benar bagi pengetahuan manusia. Oleh itu karya sastera sejarah bukanlah karya sastera sepenuhnya sebaliknya mengandungi unsur-unsur peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku pada zaman lampau. Antara contoh karya sastera sejarah ialah *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Kelantan*, *Misa Melayu*, *Hikayat Johor*, *Salasilah Melayu Bugis*, *Tuhfat Al Nafis*, dan lain-lain.

Selain itu, dalam karya-karya sastera sejarah terbayang konsep masa yang dipegang oleh pengarang dan masyarakat sezamannya. Bagi pengarang sastera sejarah, masa yang dipegangnya adalah suatu masa yang panjang dan tidak tepat. Ketidaktepatan itu sebenarnya disebabkan tiada catatan dan penerimaan waktu yang tepat untuk sesuatu peristiwa. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam budaya berfikir dan penyampaian fakta dalam penghasilan karya sastera, ketepatan waktu tidak wujud. Fenomena ini berlaku kerana pengarang istana pada masa itu lebih gemar memperkatakan sesuatu peristiwa itu dengan ungkapan-ungkapan seperti





“lepas itu”, “tidak lama kemudian”, dan sebagainya yang sering digunakan dalam karya-karya sastra sejarah untuk menggambarkan jangkauan jarak waktu antara satu peristiwa dengan peristiwa yang lain.

Karya-karya sastra sejarah merupakan sumber tempatan yang paling berguna dalam menyalurkan maklumat-maklumat tentang manusia Melayu dan keadaan masyarakatnya pada zaman silam. Karya-karya ini bukan sahaja menyediakan gambaran-gambaran yang jelas tentang garis kasar sejarah orang Melayu malah turut mengemukakan sedutan-sedutan pelbagai aspek kehidupan, pemikiran dan nilai-nilai utama masyarakat pada zaman tersebut. Pernyataan ini turut disokong oleh Zainon Sheikh Ahmad (1997, hlmn. 107) yang mengatakan bahawa hasil-hasil sastra yang tergolong dalam sastra sejarah merupakan hasil karya sastra Melayu lama yang mengambil bahan-bahan daripada peristiwa-peristiwa sejarah, baik sejarah mengenai sesuatu tempat, sejarah mengenai sesebuah kota, sejarah sesebuah kerajaan atau sejarah mengenai sesuatu destinasi atau keturunan seseorang raja. Jadi, bagi menarik perhatian khalayak untuk mengkaji sastra sejarah ini, maka karya sastra sejarah ini telah ditulis dengan memasukkan ciri-ciri sastra baik dari segi gaya penceritaan mahupun bahasanya.

Memandangkan kesusasteraan adalah berkaitan tentang manusia, tentang perilaku pemikiran, permasalahan dan penyelesaiannya yang sekali gus menggambarkan akan corak pemikiran pengarangnya terhadap apa-apa yang ditanggapi tentang watak-watak dan kehidupan yang dilalui maka persoalan konsep takdir perlu diketengahkan sebagai salah satu penyelidikan ilmiah yang terkandung dalam teks sastra sejarah. Dalam mengupas teks sastra sejarah ini berkaitan konsep





takdir, terdapat perbezaan pemahaman tentang pemikiran masyarakat Melayu tradisi yang masih menganuti fahaman animisme yang dipengaruhi agama Hindu dan Islam. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu tradisi secara umumnya amat terikat kepada kepercayaan unsur-unsur ghaib yang banyak mempengaruhi takdir hidup mereka.

Sebelum kedatangan pengaruh Hindu, pengaruh takdir lebih terikat, terkongkong kepada hukum adat, ikatan sosial, dan anggapan terhadap alam yang lebih menguasai untung atau malang nasib masyarakat Melayu tradisi. Kemunculan pengaruh Hindu tidak banyak mengubah pandangan masyarakat Melayu tradisi terhadap takdir. Jika diteliti rumusan yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib (1972), pengaruh Hindu hanya mengesani kehidupan orang Melayu dalam bidang seni, dan tidak dalam falsafah hidupnya serta ada kemungkinan tidak banyak berlaku perubahan dalam konsepsi takdir ini. Hal ini memandangkan tentang ketatnya stratifikasi sosial dalam sistem agama Hindu yang memungkinkan ada dorongan untuk menyimpulkan bahawa berlaku peneguhan keterikatan pemikiran masyarakat Melayu tradisi kepada takdir. Lazimnya, yang pasti berlaku ialah persoalan takdir yang berkaitan dengan mobiliti sosial yang menafikan seseorang kelas bawahan dapat menduduki tingkat atasan. Begitu juga dengan bentuk hukuman yang dikenakan terhadap rakyat marhein, pasti akan berlaku dan tidak mungkin mampu melepaskan diri daripada hukuman pihak atasan.





Islam pula meletakkan kepercayaan kepada takdir sebagai satu daripada rukun iman yang keenam dan wajib diyakini. Ali Ahmad (2002, hlmn. 62) menjelaskan bahawa Islam juga menuntut penganutnya untuk mempercayai bahawa buruk dan baik itu merupakan ketentuan daripada Allah kerana setiap peristiwa yang berlaku adalah dalam kekuasaan-Nya. Hal ini tidak bererti Islam mengajar kepada penyerahan diri secara membuta tuli, tetapi mendorong kepada keterbukaan peluang umat-Nya untuk berusaha dengan berkat dan rahmat Allah berdasarkan kesempurnaan tubuh badan dan pemberian akal budi yang biasanya ditentukan oleh hukum sebab-musabab. Seseorang individu itu hakikatnya masih tertakhluk kepada ketentuan mutlak Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Menguasai. Dalam anutan agama Islam, menerima akan takdir merupakan syarat bagi tauhid yang sempurna.



baik seolah-olah menyebelahi pihak raja dan sebaliknya takdir buruk diterima oleh rakyat jelata. Pengaruh Hinduisme yang mencitrakan ada kaitannya dengan konsep takdir raja-raja daripada titisan darah dewa mengukuhkan lagi mobiliti sosial golongan pemerintah bahawa rakyat jelata tidak boleh menyanggah kata-kata raja. Namun begitu, keintelektualan pengarang dalam mengungkapkan konsep takdir ini, secara langsung telah mengukuhkan bahawa moral Islam berkaitan dengan takdir telah digunakan sebagai salah satu amanat suci dalam menegur perilaku raja-raja Melayu yang zalim.





Terdapat dua bahagian bentuk penulisan sastera sejarah oleh pengarang. Bahagian pertama, penulisan sastera sejarah ini lebih bersifat mitos dan dongeng iaitu isinya banyak menggambarkan keadaan masyarakat dahulu kala, asal usul raja dalam sesebuah negara serta permulaan berlakunya adat-istiadat dan sebagainya. Manakala dalam bahagian kedua pula bentuk penulisannya lebih bersifat sejarah. Menerusi bahagian ini, cerita-cerita yang melemahkan kedudukan raja diketepikan oleh pengarang istana. Dalam penulisan sastera sejarah, aspek yang diberikan penekanan lebih berfokuskan kepada sesuatu peristiwa sejarah itu atau tentang tokoh-tokoh yang pernah hidup dalam sejarah ketika peristiwa-peristiwa tersebut diceritakan.

Zahrah Ibrahim (1986, hlmn. v-vi) menegaskan bahawa cerita-cerita tentang peristiwa-peristiwa sejarah inilah yang menyebabkan karya itu digolongkan dalam bentuk penulisan sejarah. Jadi, memang tidak dinafikan lagi bahawa karya-karya sastera sejarah merupakan hasil karya yang mengandungi penceritaan peristiwa-peristiwa sejarah dan tujuan penghasilannya untuk merakamkan kebesaran, ketinggian dan kegemilangan sesebuah negara kota atau kerajaan Melayu. Namun begitu, pengarang yang menulis semula teks ini juga secara langsung memainkan peranan besar dalam memasukan nilai-nilai moral berkaitan dengan takdir yang berlaku dalam masyarakat Melayu tradisi.

Tegasnya, penghasilan karya-karya sastera sejarah sememangnya bertujuan untuk menyampaikan hasrat raja-raja pada zaman dahulu supaya sejarah yang telah ditempa oleh pemerintah terdahulu diketahui oleh anak cucu dan rakyat kemudiannya. Hal ini boleh dianggap sebagai keinginan masyarakat pada zaman dahulu untuk mengadakan suatu perhubungan atau komunikasi dengan generasi akan datang. Oleh





sebab itulah, kajian ini mendapati bahawa karya-karya sastera sejarah yang telah dihasilkan itu bukan sahaja menumpukan perhatian kepada fakta-fakta sejarah semata-mata tetapi juga terhadap apa-apa sahaja bentuk penceritaan yang mungkin dianggap pada masa ini sebagai bersifat bukan sejarah.

Konsep takdir yang diketengahkan dalam penyelidikan ini secara langsung merupakan satu kajian baru dalam teks sastera sejarah. Oleh yang demikian, masyarakat pada hari ini perlu sedar bahawa ukuran dan keperluan hasrat ketika karya sastera sejarah ini dihasilkan adalah berdasarkan ukuran masyarakat tradisional pada zaman itu. Pendek kata, adalah tidak wajar bagi generasi pada hari ini mengkritik atau menilai penulisan-penulisan sastera sejarah itu tanpa memahami konsep sejarah masyarakat Melayu tradisional itu terlebih dahulu.



1.2 Latar Belakang Kajian

Karya sastera sejarah merupakan sumber tempatan yang penting dalam menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan masyarakat Melayu pada zaman silamnya. Karya-karya ini bukan sahaja menyediakan gambaran yang jelas tentang garis kasar sejarah silam bangsa Melayu malah turut mengemukakan pelbagai aspek kehidupan dan nilai-nilai utama masyarakat pada zaman tersebut. Perkara ini turut ditegaskan oleh Mohd Taib Osman (1974, hlmn. 40) yang mengatakan bahawa penulisan sastera sejarah merujuk kepada kandungan ceritanya yang mengisahkan sesuatu kejadian itu berlaku pada satu-satu masa, atau mengesahkan jurai-jurai keturunan raja-raja di sesebuah negeri. Bezanya, penulisan sastera sejarah itu dengan





cerita hikayat ialah penceritaannya yang mengandungi unsur-unsur yang dikenali sebagai unsur sejarah, bukan unsur-unsur khayalan semata-mata. Jadi dapatlah dirumuskan bahawa satu corak kesusasteraan Melayu lama yang mempunyai sifat-sifat tempatan dari segi isinya ialah hasil-hasil kesusasteraan yang bercorak sejarah.

Walau bagaimanapun, dalam mengupas karya-karya sastera sejarah, kajian ini lebih membataskan karya sastera sejarah ini kepada teks *Sulalatus Salatin*. Terdapat pelbagai versi sastera sejarah ini yang telah dikaji oleh beberapa sarjana sama ada dari Barat mahupun Timur sehingga mencetuskan pelbagai polemik antara mereka. Dalam pada itu, kajian ini juga berusaha menghubungkan pemikiran saintifik dalam sastera sejarah melalui peranan pengarang istana. Oleh itu, bagi memudahkan skop perbincangan ini penyelidik akan mengulas versi-versi dan polemik-polemik yang terdapat dalam sastera sejarah khususnya teks *Sulalatus Salatin* secara mendalam.

1.2.1 *Sulalatus Salatin* Atau *Sejarah Melayu*

Sulalatus Salatin atau *Sejarah Melayu* merupakan salah sebuah karya klasik yang terkenal dalam sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional. Melalui sudut sastera, teks ini mengandungi unsur-unsur mitos, legenda dan cereka. Dalam aspek sejarah pula, karya ini turut merakamkan fakta-fakta yang bermakna bagi pensejarahan orang Melayu. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa teks sastera sejarah ini sememangnya mengandungi unsur sastera dan sejarah.





Para sarjana menggolongkan teks *Sulalatus Salatin* ke dalam genre sastera sejarah kerana teks ini merakamkan fikiran dan daya kreativiti pengarangnya yang mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan dengan riwayat hidup, rekaan, imaginasi, mitos, legenda, simbolisme, anekdot, biografi, silsilah raja, sistem ekonomi, politik, moral, perundangan, kepercayaan dan sistem sosial. Pembicaraan tentang teks ini begitu luas sehingga merangkumi tamadun manusia Melayu keseluruhannya.

Sehingga pada hari ini, *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang dihasilkan pada kurun ke-16 M telah terdapat kira-kira 35 buah versi. Kepelbagaian naskhah teks ini saling menunjukkan perbezaan dari segi maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh pengarangnya. Tokok tambah tambah sering berlaku di merata-rata muka surat, khususnya dari segi data-data sejarahnya sehingga menarik perhatian para sarjana



1.2.1.1 Kepelbagaian Versi Teks *Sulalatus Salatin* Atau *Sejarah Melayu*

Sulalatus Salatin atau *Sejarah Melayu* merupakan hasil sastera sejarah terpenting kerana bahasanya yang dianggap benar dan indah serta memberi gambaran masyarakat Melayu lama yang begitu unik. Pada tahun 1831, Munsyi Abdullah sudah beberapa kali menerbitkan *Sulalatus Salatin* untuk keperluan anak-anak yang ingin belajar bahasa Melayu. Menurut Liaw Yock Fang (2011, hlmn. 439), selama 150 tahun ini, *Sejarah Melayu* pernah beberapa kali diterbitkan dan disalin ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Perancis, Tionghua, dan sebagainya. Kebanyakan penerbitan kajian ini adalah bertujuan untuk membicarakan bentuk asal,





tujuan penulisannya dan tema *Sejarah Melayu* itu sendiri. Oleh itu, tidak keterlaluan dikatakan bahawa penghasilan teks *Sejarah Melayu* sentiasa mendapat perhatian para sarjana kerana elemen-elemen yang terkandung dalam teks tersebut terlalu banyak yang masih belum dikupas oleh penyelidik-penyelidik.

Hingga setakat ini, teks *Sejarah Melayu* yang sering dijudulkan juga sebagai *Sulalatus Salatin*, seringkali dianggap sebagai sebuah hasil sastera sejarah dalam bahasa Melayu yang kedua tertua selepas penghasilan *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1992, hlmn. 121), hal ini bukanlah bererti bahawa antara tempoh kelahiran *Hikayat Raja-Raja Pasai* pada abad ke-14 dengan tempoh penghasilan teks *Sejarah Melayu* tidak lahir sebuah penghasilan sastera yang serupa. Hal ini dikatakan demikian kerana setakat ini belum pernah ditemui lagi sebuah teks yang sedemikian coraknya, maka andaian tersebut hanyalah buat sementara untuk mempertahankannya.

Kedudukan *Sulalatus Salatin* dalam kepustakaan Melayu boleh disamakan dengan *Kitab Tawarikh* yang ditulis oleh Sze Ma Chien di Tiongkok Kuno atau *Kitab Sejarah* oleh Herodotus yang ditulis dalam bahasa Greek. Teks *Sulalatus Salatin* telah dianggap sebagai sebuah kitab Melayu yang sewajarnya dikaji dan ditatap oleh setiap lapisan masyarakat sama ada oleh golongan pelajar mahupun golongan yang meminati dunia pengajian Melayu. Dalam konteks ini, *Sulalatus Salatin* bukan sahaja sebuah karangan lama yang sudah terkenal, malah paling laris dan banyak edisinya dalam kepustakaan Melayu. Selain daripada perenggan-perenggan dipetik untuk dijadikan bahan pelajaran dalam teks Komponen Sastera (KOMSAS), karya *Sulalatus Salatin* ini juga merupakan satu-satunya teks yang digunakan oleh penyusun-





penyusun sejarah ketika menyusun *Sejarah Melayu* kerana kebanyakan kesan dan peristiwa yang terdapat dalam teks ini telah dikenal pasti terkandung dalam teks ini.

Sulalatus Salatin yang dikenali sebagai *Malay Annals* di Barat merupakan genre sastera sejarah yang dianggap terulung, istimewa dan unik dalam perbendaharaan warisan kesusasteraan Melayu tradisional. Keistimewaan ini semakin terserlah apabila terdapatnya 35 buah versi yang masih tersimpan di beberapa institusi seluruh dunia. Keesahan versi-versi ini turut diperakui oleh Effah Imtiaz Zainol (Penolong Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu) dalam pembentangan kertas kerjanya yang bertajuk *Mahakarya Yang Mempengaruhi Dunia* dalam Wacana *Sulalatus Salatin* Siri Keenam di Perpustakaan Negara dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka pada 27 Oktober 2015.



Menurut Effah Imtiaz (2015, hlmn. 1), teks *Sulalatus Salatin* yang ditulis di Johor ini bertarikh 1612 amat penting dan harus dikagumi kerana kandungan bahasa dan seni persembahannya. Sehingga pada hari ini, terdapat 35 versi *Sulalatus Salatin* yang berbeza dan terdapat dalam simpanan pelbagai institusi seluruh dunia dan tidak menjadi satu kepelikan sekiranya dijumpai versi-versi baru pada tahun-tahun akan datang. Berikut ialah versi-versi teks *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang terdapat di seluruh dunia seperti yang dinyatakan oleh beliau:



Jadual 1.1

Kepelbagaian Versi Teks Sulalatus Salatin Atau Sejarah Melayu

Bil.	Nama Institusi	Judul	No.	Jumlah Halaman	Maklumat
1.	Edinburgh University Library	<i>Sejarah Melayu</i>	Or. 459	129	Tamat secara serta-merta dengan nama Malikoeltahir. Dirumikan dengan ortografi Belanda. Kemungkinan disalin di Betawi pada awal pertengahan abad ke-19. Dibeli selepas 1945 daripada Alexander Somerville Cumming.
2.	John Ryland Library, Manchester University	<i>Sejarah Melayu</i>	Malay 1	143 ff	Merupakan versi yang panjang. Mengikut kolofon, teks disalin daripada teks milik Sultan Abdurrahman Shah Lingga (1811-1830) di salin di Melaka oleh Shaikh Muhammad bin Shaikh Ahmad Zubaidi. Dimiliki oleh Tuan Puteri. Kematian Tun Ali Hati dicatatkan di bahagian akhir.
3.	Royal Asiatic Society	<i>Sejarah Melayu</i>	Farquhar 5	263	Merupakan versi pendek yang mengandungi 34 bab awal oleh Shellabear 1898. Versi ini disalin oleh Encik Yahya bin Abdul Wahid bertarikh 1229 Hijrah (1814 Masihi) di Melaka.
4.		<i>Sejarah Melayu</i>	Raffles 18	202	Bertarikh 1021 Hijrah (1612 Masihi). Koleksi Raffles 1830
5.		<i>Sejarah Melayu</i>	Raffles 35	117	Mengandungi 16 bab yang ditulis oleh Shellabear hingga Sultan Mansur Shah dipindah dari istana. Naskhah ini bertarikh 1222 Hijrah (1807 Masihi)
6.		<i>Sejarah Melayu</i>	Raffles 39	120	Kandungan sama seperti Raffles 32. Terdapat tandatangan Raffles di bahagian akhir. Bertarikh 1227 Hijrah (1812 Masihi).
7.		<i>Sejarah Melayu</i>	Raffles 68	143	Bahagian akhir sama seperti Raffles 35 dan 39. Versi ini bertarikh 1223 Hijrah (1808 Masihi).
8.		<i>Sejarah Melayu</i>	Raffles 76	p.1 - 113	Bab 19 – 34 daripada Shellabear 1898 Masihi sehingga pembunuhan Tun Ali Hati.
9.		<i>Sejarah Melayu</i>	Raffles 80	312	Merupakan versi pendek yang mengandungi 34 bab daripada Shellabear 1898 Masihi. Naskhah ini bertarikh 1226 Hijrah (1811 Masihi).
10.		<i>Sejarah Melayu</i>	Maxwell 126	235	Merupakan versi panjang. Naskhah bertarikh 1266 Hijrah (1860 Masihi). Nama pemilik teks ini Encik Muhammad bin Tuan Haji Abdul Fattah dan dicatat di bahagian akhir.

bersambung

Jadual 1.1 (sambungan)

Bil.	Nama Institusi	Judul	No.	Jumlah Halaman	Maklumat
11.	Leiden University Library	<i>Hikayat Silsilat as-Salatin (Sejarah Melayu)</i>	Cod. Or. 1703	316ff	Versi ini tamat disalin oleh Muhammad Hasan Ibn al-Haj Abdul Aziz di General Secretariat (Batavia) pada hari Selasa bersamaan 4 Jamadilakhir 1250 (8 Oktober 1834 Masihi).
12.		<i>Hikayat Sulala as-Salatin</i>	Cod. Or. 1704	478	Disalin oleh Muhammad Sulaiman di General Secretariat (Batavia).
13.		<i>Sejarah Melayu</i>	Cod. Or. 3210	327 pp	Merupakan versi panjang. Tamat disalin di Riau pada 19 Syawal 1254/6 Januari 1838 Masihi.
14.		<i>Sejarah Melayu</i>	Cod. Or. 6669	400	Merupakan teks rumi.
15.		<i>Sejarah Melayu</i>	Cod. Or. 12026	314	Dikarang oleh Tun Sri Lanang dan merupakan teks salinan pendua.
16.		<i>Sejarah Melayu</i>	Cod. Or. 12027	6	Tiada maklumat.
17.		<i>Sejarah Melayu</i>	Cod. Or. 143319 A	145	Merupakan salinan pendua dari koleksi Tropical Institute Amsterdam.
18.		<i>Sejarah Melayu</i>	KL 5	446	Tiada maklumat.
19.	KITLV	<i>Sejarah Melayu</i>	Or. 63	285	Tiada maklumat.
20.		<i>Sejarah Melayu</i>	Or. 64	13	Tiada maklumat.
21.	British Library	<i>Sejarah Melayu</i>	Or. 14734	204 ff	Disalin di Melaka oleh Muhammad Tajuddin Tambi Hitam Bin Zainal Abidin iaitu Penghulu Dagang di Melaka di Kampung Telengkira pada Isnin bersamaan 19 Zulhijjah 1289 (Isnin, 17 Februari 1873).
22.		<i>Sejarah Melayu</i>	Or. 16214	301 ff	Disalin di Singapura pada 16 Rejab (tahun tidak diketahui) oleh Hussain bin Ismail yang berasal dari Tanah Merah, Malaysia. Teks ini dimiliki oleh seseorang dari Melaka.
23.	Perpustakaan Muzium Nasional Singapura	<i>Sejarah Melayu</i>	DP 0037	348	Tiada maklumat
24.	Perpustakaan Nasional Indonesia	<i>Sejarah Melayu</i>	W 188	313	Koleksi dari Van de Wall.
25.		<i>Sejarah Melayu</i>	W 189	330	Dipindahkan dari Muzium Nasional Indonesia.
26.		<i>Sejarah Melayu</i>	W 190	204	
27.		<i>Sejarah Melayu (Koleksi Melayu)</i>	ML 11	117	
28.	School Of African And Oriental Studies	<i>Sejarah Melayu</i>	MS 36495	212	Merupakan versi pendek sehingga Alburqueque menawan Melaka.
29.		<i>Sejarah Melayu</i>	MS 36499	366	Merupakan versi pendek sehingga Tun Ali Hati dibunuh.

bersambung

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Bil.	Nama Institusi	Judul	No.	Jumlah Halaman	Maklumat
* Tidak termasuk versi ST. Petersburg, Rusia					
Salinan Mikrofilem Sejarah Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia					
30.	Perpustakaan Negara Malaysia		RAFFLES 18, MKM 6058 RAFFLES 35, MKM 1637 FARQUHAR 5, MKM 1636 (RAS)		Salinan fota - MSS 2195 W.190 (PNRI)
31.			MALAY 1, MKM 4698 (John Rylands University Library Manchester)		
32.			Cod. Or. 12026 MKM 3488 (LUL)		
33.			Or. 64 MKF 21800 Or. 63 MKF 21822-21826 (KITLV)		
34.			Or. 459 MKM 644 (Edinburg University Library)		
35.			MS 86 MKM 5650 (DBP)		

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka

Berdasarkan senarai versi yang diperoleh daripada Perpustakaan Negara, kajian penyelidikan ini telah menggunakan teks *Sulalatus Salatin* yang diselenggarakan oleh A.Samad Ahmad sebagai sumber primer. A.Samad Ahmad (2014, hlmn. xi) menjelaskan bahawa beliau telah mengkaji tiga buah naskhah lama



tulisan tangan *Sulalatus Salatin* yang dimiliki Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menghasilkan versi baru teks sastera sejarah ini. Naskhah-naskhah itu ialah Naskhah Munshi Mohammad Ali, cod DBP MSS 86A (naskhah A), Naskhah Hj. Othman Abdullah, cod DBP MSS 86 (naskhah B), dan Naskhah DBP, cod DBP MSS 86B (naskhah C).

Versi ini ternyata menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi sedia ada seperti versi Shellabear, Abdullah Munsyi, dan Winstedt. Perkara ini turut disokong oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Haji Hassan Ahmad yang mengatakan bahawa secara keseluruhannya, *Sulalatus Salatin* versi ini masih mempunyai persamaan asas dengan versi sedia ada (*Sulalatus Salatin*, 2004, hlmn.

vi). Memandangkan A.Samad Ahmad telah menjelaskan secara panjang lebar dalam bahagian “Prolog” dan “Epilog” bahawa terdapat sebuah hikayat Melayu yang sudah terkenal dibawa orang dari Goa dan diminta oleh raja untuk diperbaiki dengan tujuan beroleh faedah kepada anak cucu, maka pemilihan teks ini sebagai sumber primer dalam menganalisis konsep takdir adalah wajar diketengahkan sebagai satu dimensi baru dalam penyelidikan kajian sastera sejarah.

1.2.1.2 Kepelbagaian Polemik Versi Teks *Sulalatus Salatin* Atau *Sejarah Melayu*

Kepelbagaian versi *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* sudah lama menimbulkan polemik oleh beberapa orang sarjana khususnya sarjana-sarjana barat yang mempunyai segala kemudahan untuk mengkaji, menyelidik, meneliti dan



membandingkan antara naskhah *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang masih tersimpan di luar tanah air khususnya di Eropah. Antara isu yang sering dibangkitkan berkaitan teks ini adalah tentang asal usul *Sulalatus Salatin*.

Menurut Hsu Yun Tsiao (1986, hlmn. 37), tarikh terciptanya teks ini dikarang bukanlah satu persoalan yang besar kerana pada anggapannya baik edisi Shellabear, Leyden mahupun edisi Sir Raffles, kesemuanya ada memberi keterangan dalam mukadimah teks tersebut. Namun begitu, dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik akan mengemukakan kajian teks edisi A.Samad Ahmad berkaitan kewujudan asal usul teks *Sulalatus Salatin*. Berikut ialah petikan teks yang memperkatakan tentang polemik asal usul tersebut:

...pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan Orang Besar-besar bersenda gurau. Pada antara itu ada seorang Orang Besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain. Maka berkata ia kepada fakir, “Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh oleh segala anak cucu kita yang terkemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya”.

(Sulalatus Salatin, 2014, hlmn. 2)



Menurut A.Samad Ahmad (2014, hlmn. xxii) berdasarkan petikan ayat di atas, dapatlah difahami bahawa timbulnya ura-ura atau hasrat mengenai penyusunan teks *Sulalatus Salatin* pada suatu majlis Orang Besar-besar. Orang Besar-besar yang disebut telah mendapat perkhabaran bahawa terdapat sebuah *Hikayat Melayu* yang dibawa oleh orang dari Goa itu tidak lain dan tidak bukan ialah yang Dipertuan di Hilir iaitu Sultan Abdullah Ma'aayah Syah.

Menurut beliau lagi terdapat dua rangkai kata dalam perenggan petikan tersebut yang membawa maksud “ada *Hikayat Melayu* “ dan “dibawa orang dari Goa” adalah merupakan inti daripada penghasilan teks *Sulalatus Salatin* seolah-olah hikayat tersebut sudah sedia ada dan terkenal pada zaman itu serta dikatakan berasal dari Goa. Walau bagaimanapun, timbul satu lagi polemik dalam kalangan para sarjana tentang lokasi tempat yang bernama Goa sama ada terletak di Goa Portugis di India atau Goa yang terletak di Pahang. Pada masa yang sama, terdapat juga pandangan sarjana yang mengatakan bahawa nama Goa itu terletak di Sulawesi sebagai satu kemungkinan.

A. Samad Ahmad (2006, hlmn. 65) menerusi *Sulalatus Salatin (Prolog)* dalam *Sastera Kebangsaan: Isu dan Cabaran* mengatakan bahawa perkara ini sungguh menghairankan, kerana tidak mungkin para sarjana tersebut tidak mengetahui wujudnya Goa sebagai sebuah negeri atau kerajaan yang pada suatu zaman dahulu amat terkenal di tanah Bugis (lihat peta di muka surat 102 *Sulalatus Salatin* edisi A.Samad Ahmad). Walau bagaimanapun, isu kedudukan Goa sehingga pada hari ini, seolah-olah sudah menjadi penerimaan yang mutlak bahawa Goa yang dimaksudkan





ialah Goa dari Portugis yang terletak di India serta *Hikayat Melayu* tersebut dibawa ke Johor pada T.M 1612.

Selanjutnya, dari aspek masa teks *Sulalatus Salatin* ini dikarang yang turut diperkatakan oleh para sarjana sejak dari dahulu lagi. Berdasarkan edisi Shellabear tarikh *Sulalatus Salatin* itu ditulis jatuh pada hari Khamis. Tarikh tersebut mempunyai persamaan dengan teks yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad. Berikut adalah sebahagian daripada mukadimah teks selenggaraan A. Samad Ahmad iaitu:

Tatkala *hijratul-nabiyi sallallahu 'alaihi wa sallama* seribu dua puluh satu tahun, kepada tahun Dal, pada dua belas haribulan Rabiulawal, kepada hari Khamis, waktu alduha, pada ketika syamsu, pada zaman kerajaan Paduka Seri

Sultan Alau'd-Din Riayat Syah Zillullahi fil-alam,...

(*Sulalatus Salatin*, 2014, hlmn. 2)

Sebaliknya, edisi Raffles mengatakan bahawa karya itu ditulis pada hari Ahad, manakala edisi Leyden pula mengatakan karya tersebut dikarang pada hari Jumaat. Namun begitu, Sir R.O Winstedt telah membuat satu kesimpulan bahawa pada hari Ahad itu adalah hari yang tepat dan benar berdasarkan kajiannya dalam karya-karya *Rouffaer* dan kitab *Sulalatus Salatin*. Walaupun terdapat pertikaian tentang hari hikayat ini ditulis dalam kalangan sarjana, namun naskhah *Sulalatus Salatin* edisi Shellabear, Leyden dan Raffles kesemuanya menyatakan dalam bahagian pendahuluan bahawa teks ini telah dikarang pada tahun 1612 Masihi.





Menurut Ismail Hamid (1988, hlmn. 196), walaupun para sarjana mempunyai perbezaan pendapat tentang hari Khamis atau Ahad teks *Sulalatus Salatin* ini ditulis seperti yang tercatat pada bahagian pendahuluan teks-teks *Sulalatus Salatin*, namun kesemua sarjana ini bersetuju bahawa tahun 1612 Masihi merupakan tarikh sebenar teks ini siap dikarang atau disusun oleh Tun Seri Lanang. Perkara yang lebih dititikberatkan dalam penghasilan teks sastera sejarah ini ialah tujuannya penghasilan teks ini dalam mempamerkan asal usul dan kehebatan raja-raja Melayu pada zaman Melayu tradisi.

Walau bagaimanapun, masalah ini tidak harus dijadikan bahan perbahasan kerana selepas Tun Seri Lanang menyempurnakan teks *Sulalatus Salatin*, hikayat itu seterusnya dikemaskini oleh penyalin lain dalam versi yang lebih panjang. Siti Hawa Hj. Salleh (1998, hlmn. 21) ada mengatakan bahawa antara versi panjangnya ialah manuskrip W 188 dan W 190 yang tersimpan di Jakarta dalam koleksi Von de Wall, yang penceritaannya dilanjutkan hingga peristiwa Johor diserang dan dikalahkan oleh angkatan Jambi pada tahun 1673. Apabila membicarakan teks *Sulalatus Salatin*, isu pengarang yang menghasilkan teks ini turut mendapat perhatian khalayak. Hal ini turut terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin* edisi A.Samad Ahmad iaitu:

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota fakir *allazi murakkabun 'ala jahlihi*, Tun Muhammad namanya, Tun Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan *qaddasallahu sirrahum*, Melayu bangsanya, dari Bukit Si Guntang Mahamiru, Malakat, negerinya Batu Sawar Daru'l-salam.

(*Sulalatus Salatin*, 2014, hlmn. 2)





Berdasarkan petikan tersebut dapatlah dijelaskan bahawa fakir iaitu pengarang atau penyusun *Sulalatus Salatin* itu merasakan satu tanggungjawab berat yang harus dipikul bagi memenuhi hasrat rajanya itu. Sebagai individu yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap hasil karya yang disusunnya, maka pengarang turut mengukir nama dan jawatannya iaitu Tun Muhamad (nama timang-timangannya ialah Tun Seri Lanang) yang memegang jawatan sebagai Bendahara. Bukan itu sahaja, pengarang turut menyatakan bahawa asal nenek moyangnya bermula dari Bukit Si Guntang Mahamiru, kemudian ke Melaka dan negerinya ialah Batu Sawar Darul Salam.

Oleh sebab Bendahara Tun Seri Lanang berasa agak berat tugas yang diserahkan kepadanya, maka beliau merasakan dirinya harus bertanggungjawab untuk meneruskan permintaan raja tersebut. Tambahan pula, ketika teks ini dihasilkan, beliau masih terikat dengan konvensi masyarakat sezamannya yang patuh kepada arahan pemerintah. Hal ini jelas digambarkan oleh pengarang teks ini seperti petikan berikut:

Setelah fakir *allazi murakkabun 'ala jahlihi* (mendengar titah Yang Maha Mulia itu)***maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia, syahadan mohonkan taufik dan ke hadrat Allah, Tuhan *sani'il alam*, dan minta huruf kepada nabi *sayyidil-anam*, dan minta ampun kepada sahabat yang akram; maka fakir karanglah hikayat ini, *Kama sami'tuhu min jaddi wa abi*, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namai hikayat ini “*Sulalatus Salatin*”, yakni petuturan segala raja-raja.

(*Sulalatus Salatin*, 2014, hlmn. 3)





Tidak dinafikan bahawa pada zaman pemerintahan feudal, sememangnya hasrat raja-raja pada zaman dahulu hendaklah ditunaikan dengan sebaik mungkin oleh individu yang telah diamanahkan tanpa soal jawab. Hal ini demikian kerana raja-raja pada zaman dahulu mahu sejarah pemerintahan yang ditempanya dapat diketahui oleh anak cucu dan rakyatnya kemudian.

Perkara ini turut disokong oleh Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad (1995, hlmn. 283) yang mengatakan bahawa permintaan seseorang raja itu pada zamannya boleh dianggap sebagai suatu bentuk keinginan untuk mengadakan suatu perhubungan atau komunikasi dengan generasi pengganti kelak. Senario yang dinyatakan dalam bentuk komunikasi tulisan ini termasuklah penyampaian nilai-nilai yang dipegang pada masa itu serta segala maklumat tentang kehidupan masyarakat lama itu.



Berbicara tentang kepengarangan dalam suatu dunia sastera bererti memperkatakan tentang satu unsur dalam proses penciptaan suatu teks sastera. Menurut Siti Chamamah Soeratno dalam esainya *Variasi Sebagai Bentuk Kreativiti Pengarang Kedua dalam Dunia Sastera Melayu: Hikayat Banjar* menerusi buku *Pengarang dan Kepengarangan Melayu* selenggaraan Sahlan Mohd Saman (1994, hlmn. 1-2) bahawa pengarang difahami sebagai manusia (dengan segala akibatnya) yang menyebabkan (dengan segenap kemungkinan penyertaannya) lahirnya teks sebagai ciptaan sastera. Manakala kepengarangan dimaksudkan sebagai hal-hal yang berkaitan dengan peranan pengarang dalam melahirkan suatu teks sastera. Tegasnya, sebelum mengenal pasti individu yang mengarang teks *Sulalatus Salatin* ini, sewajarnya para penyelidik melihat pendekatan tradisi penghasilan karya-karya sastera lama yang lazimnya ketiadaan nama pengarang. Hal yang terlihat umum





dalam teks-teks sastra Melayu sebagai hasil masa lampau ialah gejala nama pengarang tidak disebut sehingga lahirnya kesan bahawa teks-teks ini bersifat anonim (nama samaran).

Isu ini turut diperkatakan oleh Teuku Iskandar (1964, hlmn. 484) bahawa penyebutan nama pengarang hanya muncul pada teks-teks yang berasal pada kira-kira abad ke-17 iaitu, teks-teks yang menyajikan ajaran-ajaran agama Islam dan teks-teks bercorak sejarah hasil karya pengarang-pengarang yang bersifat ilmiah. Hal ini dapat dilihat pada nama pengarang teks *Sulalatus Salatin* iaitu Tun Seri Lanang yang dalam naskhah-naskhah lain muncul dengan nama yang berbeza-beza. Misalnya, nama pengarang teks *Sulalatus Salatin* dalam naskhah Raffles 18 (Raja Bungsu), naskhah Raffles 39 (Tun Mahmud atau Tun Muhammad), naskhah Raffles 68 (Orang Besar



Tun Askob). Walaupun terdapat pelbagai nama pengarang teks *Sulalatus Salatin* ini, Teuku Iskandar tetap mempertahankan kebenaran bahawa Tun Seri Lanang merupakan pengarang asal teks tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana penyalin Melayu bukan penyalin dalam erti sebenarnya. Kebebasan besar penyalin adalah “memperbaiki di mana disangkanya salah, menambah di mana dianggapnya kurang, dan mengurangkan mana dianggapnya lebih, bahkan dia mengubah bahasa sesuai dengan keadaan dan masanya”. Jadi, mereka bukan sahaja penyalin, tetapi dapat juga dianggap sebagai pengarang.





Di samping itu, pengekaln teks sastera lama Melayu ini disalin sedemikian rupa sudah tentu seolah-olah untuk menampakkan ciri-ciri keaslian penceritaan teks yang akan menarik perhatian para sarjana untuk terus mendalami karya-karya sastera sejarah yang merupakan salah satu dokumentasi budaya masyarakat Melayu tradisi. Isu kurang kepakaran penyalin-penyalin teks sastera lama ini turut diakui oleh A.Samad Ahmad (2006, hlmn. 72) dalam tulisannya yang bertajuk *Sulalatus Salatin (Prolog)* yang mengatakan bahawa ada antara naskhah yang disalin semula didapati seolah-olah penyalinnya belum berapa mahir menulis kerana ejaannya banyak yang salah dan tulisannya pun seperti ‘cakar ayam’.

Isu berkaitan identiti pengarang teks *Sulalatus Salatin* ini turut mendapat perhatian Liaw Yock Fang (2011, hlmn. 444) yang menegaskan bahawa pendapat umum yang diterima ialah Tun Seri Lanang yang memegang jawatan Bendahara Paduka Raja yang mengarang atau penyusun teks *Sulalatus Salatin* seperti yang disebut dalam bahagian pendahuluan versi pendek dan panjang serta dalam teks *Bustanus Salatin*, fasal 12, bab 12 yang turut menyebut perkara yang sama. Pendek kata, apa-apa yang telah diperkatakan oleh Teuku Iskandar, turut dipersetujui oleh Liaw Yock Fang kerana sifat sastera Melayu tradisi terdapat tradisi penurunan teks secara terbuka. Hal ini bererti bahawa dalam menyajikan kembali suatu teks, penyalin Melayu memiliki kebebasan untuk menambah, mengurang, atau mengubahnya sesuai dengan pandangan, selera, dan keperluan masyarakat yang lahir pada masanya dalam rangka menarik khalayak pembaca.





Noriah Taslim (2009, hlmn. 36) ada mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* merupakan karya warisan Melayu yang dianggap sebagai karya yang cukup mantap oleh ramai sarjana moden Barat dan Melayu. Karya ini lahir daripada tradisi keintelektualan Melayu yang subur di istana raja-raja Melayu sejak kurun ke-15. Bentuk dan isinya adalah penjelmaan persepsi seorang (beberapa orang) pengarang Melayu pada kurun ke-16 dan kurun ke-17, terhadap masa silam bangsanya. Oleh sebab itulah, didapati bahawa karya-karya yang dihasilkan pada ketika itu tidak sahaja menumpukan perhatian kepada fakta-fakta sejarah tetapi juga apa-apa sahaja yang mungkin dianggap pada masa sekarang sebagai bersifat bukan sejarah.

Memetik kata-kata Mohd Taib Osman (1974, hlmn. 40) bahawa satu corak kesusasteraan Melayu lama yang mempunyai sifat-sifat tempatan dari segi isinya ialah hasil-hasil kesusasteraan yang bercorak sejarah. Mungkin pada zaman ini, penulisan sejarah tidak dianggap sebagai hasil kesusasteraan yang tulen, namun begitu khalayak harus menyedari bahawa sejarah pada pandangan masyarakat pada masa sekarang ini berbeza dengan apa-apa yang dikatakan penulisan sejarah Melayu lama. Hal ini dikatakan demikian kerana bezanya penulisan-penulisan sejarah ini dengan cerita-cerita hikayat ialah isinya ada mengandungi unsur-unsur yang kita kenali sebagai unsur-unsur sejarah, dan bukan unsur-unsur khayalan semata-mata.





1.2.1.3 Kesimpulan

Kepelbagaian versi yang terdapat dalam kajian teks bagi teks sastera sejarah ini sememangnya mudah berlaku dan ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah sikap semula jadi manusia yang terlalu mencari kesempurnaan dan tidak mahu ada sebarang cacat cela terhadap naskhah-naskhah yang disalin oleh pengarang-pengarang terdahulu kerana ingin menjaga kualiti teks tersebut daripada tulisan kabur, kotor dan koyak. Dalam perkara ini, hendaklah difahami bahawa penyalin-penyalin teks sastera sejarah bukannya semua ahli yang pakar dalam bidang penulisan. Penyalinan teks sastera sejarah tersebut adalah bertujuan untuk menjaga kualiti teks asal, kerana didapati penyalin-penyalin teks ini akan membiarkan saja kekurangan yang ada pada teks seperti tidak mahu membetulkan sebarang kekhilafan yang terdapat dalam struktur ayat, kesalahan ejaan mahupun ejaan yang tertinggal dan sebagainya.

Walaupun mereka menyedari akan kelemahan-kelemahan tersebut, namun sengaja dibiarkan penulisannya begitu kerana kurang arif dalam aspek penulisan yang tepat. Menurut beliau lagi, harus juga difahami bahawa kerja menyalin sesebuah naskhah itu hanya sebagai kerja sambil sahaja, sedangkan kerja itu memerlukan ketekunan dan kesabaran. Bukan itu saja, penyalinan naskhah seperti ini sudah tentu mengambil masa yang lama dan pasti akan menimbulkan rasa jemu dan bosan oleh pengarang yang menghasilkan teks ini. Natiujahnya, penyalinan daripada teks asal tadi sudah pasti akan membawa kepada kecuaiian dan pengarang akan melakukan kekhilafan kerana dalam bahagian-bahagian tertentu naskhah tersebut akan ada tertinggal lebih daripada satu halaman.





Sesuatu isu sastera yang dimunculkan sama ada oleh seseorang tokoh pengarang, pengkritik mahupun khalayak pembaca itu tidak akan mencetuskan polemik seandainya tidak mendapat perhatian daripada sesuatu pihak lain yang juga mungkin terdiri daripada seseorang tokoh pengarang, pengkritik atau khalayak pembaca. Sesuatu isu sastera akan hilang begitu sahaja tanpa mengocakkan dunia kritikan khususnya dan jalur perkembangan kesusasteraan Melayu amnya. Jadi, apabila ada pihak yang menyambutnya dengan pemikiran dan pendapat dalam bentuk yang bertentangan sifatnya dan mengandungi suara dan nada yang sinis dan tajam, akhirnya tercetuslah polemik itu. Lazimnya, tanggapan yang bertentangan sifatnya itu dengan cepat pula mendapat tanggapan yang sama daripada pencetus utama ataupun daripada pihak lain yang juga terdiri daripada pengarang, pengkritik mahupun khalayak pembaca.



1.3 Pernyataan Masalah

Hasil pembacaan dan penelitian daripada kajian-kajian yang terdahulu, tinjauan mendapati sukar menemukan kajian yang menggunakan genre sastera Melayu klasik sebagai bahan atau sumber rujukan utama untuk membahaskan secara ilmiah tentang konsep takdir dalam sesebuah karya sastera sejarah. Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap teks sastera sejarah ini adalah yang berkaitan dengan aspek struktural, kesan perkembangan pengaruh Hindu dan Islam, mitos, konsep wa'ad, kepemimpinan, sosiobudaya dan sebagainya. Kajian seperti ini mudah didapati dan terdapat ulasan yang didapati berulang-ulang oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Atas kelompongan itulah, maka kajian ini wajar diketengahkan sebagai salah satu





penulisan ilmiah yang akan membahaskan konsep takdir dalam *Sulalatus Salatin* berasaskan Model KHAS secara terperinci.

Tambahan pula, jika ditinjau secara teliti didapati konsep takdir ini sudah dibicarakan sejak zaman sastera lisan lagi. Antaranya, jika diselidiki genre sastera rakyat seperti cerita hikayat turut memaparkan tentang takdir yang berlaku terhadap watak-watak tertentu. Misalnya dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* terdapat pelbagai takdir buruk yang telah menimpa oleh Awang Sulung Merah Muda seperti menjadi yatim piatu, terpaksa menyamar sebagai budak hitam untuk melangsaikan hutang dengan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, dan pelbagai lagi peristiwa takdir yang menarik sepanjang pelayarannya. Begitu juga dalam teks *Hikayat Gul Bakawali*, didapati pengarang turut mengetengahkan tentang konsep takdir seorang putera raja yang dibuang dari istana kerana dipercayai akan membawa malapetaka kepada keluarga tetapi akhirnya berusaha keras mencari bunga bakawali dan menghadapi pelbagai rintangan serta cabaran bagi mengubati mata ayahandanya yang buta. Namun begitu, jika diteliti di bahagian peleraian kedua-dua teks sastera hikayat ini jelas sekali pencerita, pengarang mahupun penglipur lara seakan-akan mencitrakan satu konsepsi yang neutral antara hubungan peristiwa takdir dengan status yang dimiliki oleh watak-watak dalam kalangan golongan feudal. Kejayaan, kegembiraan, dan kemenangan pasti dinikmati golongan raja-raja ini yang sentiasa disogokkan dengan pelbagai kelebihan seperti memiliki kuasa ghaib, hikmat dan sebagainya.





Cerita jenaka juga merupakan salah satu daripada khazanah yang pernah dibawa oleh tokoh penglipur lara pada zaman dahulu yang turut memaparkan pelbagai konsep takdir yang berlaku terhadap watak utama dalam genre tersebut tetapi tidak diketengahkan sebagai salah satu kajian penyelidikan. Lazimnya, dalam cerita-cerita jenaka watak yang dicitrakan oleh pengarang atau penglipur lara terdiri daripada orang kebanyakan, dan perwatakannya seringkali dijelmakan dengan ketentuan takdir yang negatif, malang, dan tidak baik. Sebagai contoh, dalam cerita *Pak Kaduk*, jelas sekali menggambarkan nasib malang bertimpa-timpa yang diterima oleh watak Pak Kaduk akibat kebodohnya menukarkan ayam lagaannya dengan ayam raja sehingga menyebabkan kampungnya tergadai ke tangan raja. Begitu juga dengan takdir malang yang diterima oleh Pak Pandir yang kehilangan anak kecilnya akibat daripada kebodohan melampau apabila bertindak di luar pemikiran manusia normal memandikan anak tersebut dengan air panas yang mendidih. Pengolahan peristiwa takdir yang berlaku terhadap watak dan perwatakan golongan bawahan ini ketara menunjukkan bahawa adanya pengaruh feodal terhadap fikiran rakyat bahawa masyarakat Melayu tradisi menerima takdir itu sebagai sesuatu yang mengikat kehidupan mereka daripada memperbaiki kelemahan diri. Dalam konteks ini, karya-karya jenaka yang dihasilkan oleh penglipur lara lebih menjerus kepada unsur humor seolah-olah masyarakat Melayu tradisi menerima nasib malang tersebut sebagai sebahagian daripada rutin kehidupan.

Walau bagaimanapun, khalayak perlu menyedari bahawa dalam memahami konsep takdir ini tidaklah semata-mata merujuk kepada kejadian-kejadian buruk sahaja bahkan takdir baik turut terkandung dalam sesebuah penceritaan genre sastera dengan tujuan untuk memberikan tarbiah dan ibrah kepada masyarakat. Atas





pemahaman tentang konsep takdir sebeginilah telah mendorong, penyelidik membuat analogi bahawa peristiwa-peristiwa takdir ini juga sememangnya terkandung dalam karya-karya sastera sejarah yang lain seperti dalam teks *Hikayat Pasai*, *Hikayat Seri Kelantan*, *Misa Melayu*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Banjar*, *Hikayat Patani* dan sebagainya. Keunikan konsep takdir yang diungkapkan oleh pengarang dalam teks sastera sejarah ternyata sarat dengan pelbagai manfaat sehingga mendorong penyelidik untuk menumpukan kajian secara terperinci untuk meneroka konsep takdir dengan membataskan sebuah teks sastera sejarah sahaja iaitu teks *Sulalatus Salatin*.

Tegasnya, khalayak perlu menyedari bahawa masalah berkaitan dengan takdir ini seringkali berlaku kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan pemimpin, rakyat, keluarga mahupun individu itu sendiri. Jika dilihat dari perspektif sastera, kajian berkaitan konsep takdir dalam sastera sejarah melalui peranan pengarang istana ini wajar diketengahkan sebagai satu kajian penyelidikan baru yang tidak pernah dibahaskan dalam penyelidikan peringkat doktor falsafah secara terperinci dengan menggunakan mana-mana prinsip yang terkandung dalam teori tempatan mahupun teori Barat. Hanya dua artikel sahaja yang ditemui membincangkan tentang peristiwa takdir iaitu “Takdir dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*” (Noriah Taslim, 1987, hlmn.48-50) dan “*Takdir di dalam Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*” (Ali Ahmad, 2002, hlmn. 60-73). Namun begitu, peristiwa-peristiwa takdir yang berlaku tidak diberi fokus secara mendalam tentang sebab-sebab takdir itu berlaku dan manfaat yang diperoleh daripada takdir tersebut. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab penyelidik untuk mengupas teks *Sulalatus Salatin* ini secara lebih mendalam untuk meninjau sama ada konsep takdir





yang terdapat dalam plot sastera sejarah ini dipengaruhi oleh faktor mobiliti sosial atau faktor agama yang ditentukan oleh Tuhan Maha Pencipta (Allah).

Ketika terhasilnya manuskrip sastera sejarah ini, bidang penulisan sedang berkembang pesat selari dengan kedatangan agama Islam di istana. Proses pengislaman raja-raja Melayu dan perubahan-perubahan yang dibawa oleh agama Islam itu sendiri terutamanya aspek akidah telah membuktikan bahawa pujangga istana ketika itu bukan sahaja seorang yang bertanggungjawab dan sedar tugasnya sebagai pengarang istana yang bertanggungjawab memenuhi kehendak raja. Kemungkinan seorang pengarang istana itu bukanlah seorang ulama, tetapi kemungkinan beliau mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang agama Islam. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi penyampaian ceritanya tentang pengaruh dan ketibaan agama Islam serta proses pengislaman yang berlaku selari dengan pemikiran masyarakat pada zaman karya sastera sejarah ini disalin semula. Begitu juga dengan persoalan takdir yang terdapat dalam genre sastera sejarah ini jelas menunjukkan konsep kepercayaan kepada takdir itu sememangnya wujud dalam fikiran pengarang yang disulami dengan cerita-cerita yang diketengahkan oleh mereka (Ali Ahmad, 2002, hlmn. 68).

Oleh yang demikian, berdasarkan faktor-faktor ini, maka kajian berkaitan konsep takdir ini wajarlah diberi perhatian dan diharapkan dapat membantu semua pihak khususnya peminat sastera sejarah dalam mengenal pasti penemuan-penemuan baru yang terkandung dalam genre ini. Penyelongkaran isu-isu baru ini membuktikan bahawa teks *Sulalatus Salatin* sememangnya sebuah genre yang kaya dengan pelbagai keistimewaan yang boleh dibahaskan oleh para sarjana dari semasa ke semasa,





relevan dengan kedudukan teks sastera sejarah ini sebagai sebuah karya dokumentasi budaya masyarakat Melayu tradisi sekali gus dapat melestarikan kedudukan karya sastera Melayu klasik ini ke peringkat global.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

- (i) Mengenal pasti jenis-jenis takdir dan contoh-contoh peristiwa dalam teks *Sulalatus Salatin*.
- (ii) Menghuraikan peranan pengarang berdasarkan pendekatan *Idea of The Book* dan teori Takmilah dalam teks *Sulalatus Salatin*.
- (iii) Menganalisis peristiwa takdir sebagai medium dakwah, kemasyarakatan, dan seni dalam teks *Sulalatus Salatin* berdasarkan kerangka Model KHAS

1.5 Soalan Kajian

Melalui pernyataan masalah kajian ini, terdapat 3 soalan yang perlu dirungkaikan dalam kajian ini. Antara persoalan tersebut ialah:

- (i) Apakah jenis-jenis takdir dan contoh-contoh peristiwa yang relevan terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin*?
- (ii) Bagaimanakah peranan pengarang dapat dikupas berdasarkan pendekatan *Idea of The Book* dan teori Takmilah dalam teks *Sulalatus Salatin*?





- (iii) Bagaimanakah peristiwa takdir dapat dianalisis sebagai medium dakwah, kemasyarakatan, dan seni dalam teks *Sulalatus Salatin* berdasarkan kerangka Model KHAS?

1.6 Kepentingan Kajian

Ilmu pengetahuan dan fakta yang berhubung dengan perkembangan aspek kebudayaan dan kemasyarakatan Melayu yang digambarkan oleh karya dalam genre sastera Melayu klasik telah lama menarik perhatian para sarjana dan peminat kebudayaan, sasterawan, dan sejarawan dari Timur mahupun dari Barat. Atas hakikat ini serta didorong oleh pengetahuan bahawa masih terdapat banyak perkara yang belum dikupas dan dikaji dalam teks sastera sejarah ini, maka kajian terhadap teks *Sulalatus Salatin* ini dilakukan kerana kajian ini turut memberi kepentingan kepada banyak pihak khususnya pencinta karya sastera Melayu klasik.

Kajian ilmiah ini amat perlu dan dirasakan penting memandangkan sepanjang yang diketahui belum ada kajian secara mendalam tentang “Konsep Takdir Dalam Sastera Sejarah Melalui Peranan Pengarang Istana Berasaskan Kerangka Model KHAS”. Antara kepentingan yang terdapat dalam kajian ini yang diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pencinta sastera Melayu klasik ialah:

- (i) menyelidiki satu lagi kes penghasilan karya sastera sejarah berdasarkan teks *Sulalatus Salatin* (peny.) A.Samad Ahmad yang didapati memenuhi ciri-ciri kajian ilmiah dengan menggunakan kerangka Model KHAS.



- (ii) menjelaskan aspek perbandingan makna istilah takdir dari sudut bahasa dan agama dalam teks sastera sejarah sekali gus membantu para ilmuwan mengenal pasti jenis-jenis takdir yang terkandung dalam Islam.
- (iii) mengukuhkan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan konsep takdir dengan melihat takdir yang berlaku dalam teks sastera sejarah itu dikawal oleh Tuhan Pencipta sekalian alam (Allah s.w.t) dengan menggunakan beberapa prinsip yang terdapat dalam Pendekatan *Idea of The Book* (Koster), teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang), dan teori Takmilah (Shafie Abu Bakar) sehingga menghasilkan sebuah kerangka model baru yang dikenali sebagai kerangka Model KHAS.
- (iv) memperkenalkan sebuah kerangka Model KHAS kepada penggiat sastera tanah air yang mungkin relevan untuk kajian konsep takdir dalam sastera sejarah yang perlu merujuk kepada konteks zaman masyarakat yang melahirkan karya tersebut.
- (v) menjelaskan kepada khalayak agar memahami bahawa takdir yang berlaku dalam realiti kehidupan masyarakat bukan sahaja membawa pengertian takdir yang buruk semata-mata malah turut membawa pengertian takdir yang baik kepada masyarakat supaya sentiasa bermuhasabah diri dan bersyukur ke hadrat Illahi dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan.

1.7 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan ini, batasan kajian dibuat berdasarkan teks sastera sejarah iaitu teks *Sulalatus Salatin* (peny.) A.Samad Ahmad. Pemilihan teks ini dibuat berdasarkan justifikasi berikut:

- (i) Versi *Sulalatus Salatin* yang diselenggarakan oleh A.Samad Ahmad ini merupakan hasil daripada gabungan dan pemurnian tiga naskhah lama iaitu Naskhah Munshi Mohammad Ali, cod DBP MSS 86A (naskhah A), Naskhah Hj. Othman Abdullah, cod DBP MSS 86 (naskhah B), dan Naskhah DBP, cod DBP MSS 86B (naskhah C). Pemurnian versi-versi ini oleh A.Samad Ahmad, ternyata menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi sedia ada seperti versi Shellabear, Abdullah Munsyi, dan Winstedt.
- (ii) Teks *Sulalatus Salatin* (peny.) A.Samad Ahmad merupakan teks sastera sejarah yang lebih terkini, jelas dan kandungannya padat dengan peristiwa-peristiwa takdir yang berlaku dalam kalangan raja mahupun rakyat jelata.
- (iii) Masih diguna pakai sebagai salah sebuah teks wajib karya agung dalam sistem modular Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM) Penggal 2 sekaligus membuktikan bahawa teks ini masih relevan untuk dikaji secara ilmiah di peringkat sarjana.
- (iv) Keganjangan teks ini sebanyak 375 halaman sesuai dengan tahap kajian yang berkaitan dengan konsep takdir.
- (v) Memandangkan teks *Sulalatus Salatin* ini lahir semasa zaman transisi Hindu-Islam, maka teks ini dilihat amat relevan sebagai ukuran untuk meninjau sejauh mana peranan pengarang istana itu dikawal oleh sistem sosial



iatu raja sebagai pemerintah, atau oleh Tuhan Pencipta sekalian alam dalam mengupas isu takdir yang terdapat dalam teks kajian.

1.8 Definisi Istilah dan Operasional

Definisi istilah merujuk kepada makna semantik seperti yang terkandung dalam kamus. Manakala definisi operasional yang dimaksudkan ialah penghuraian makna iaitu cara penyelidik mengukur konsep atau gagasan yang khusus dalam konteks kajian penyelidikan ini. Hanya konsep atau operasional yang diperlukan sahaja akan diberikan definisi secara terperinci.



1.8.1 Takdir

Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010, hlmn. 1575), takdir bermaksud takdirullah sesuatu yang ditentukan oleh Allah terlebih dahulu. Hal ini bermakna sesuatu penentuan yang berlaku itu adalah daripada Allah s.w.t.

Manakala Harun Yahya (2004, hlmn. 86), menjelaskan bahawa konsep takdir ialah pengetahuan sempurna Allah s.w.t mengenai segala kejadian silam atau masa hadapan. Walaupun terdapat sebahagian manusia mempersoalkan sebab-sebab Allah mengetahui peristiwa-peristiwa yang belum berlaku, namun sebagai umat Islam yang kukuh akidahnya harus memahami kebenaran takdir itu melalui konsep Qada dan Qadar.





Menurut Ahmad Su'udi (2011, hlmn. 3), dalam Islam takdir merupakan aspek dalam akidah kerana merupakan sebahagian dari iman atau keyakinan terhadap dua komponen penting iaitu qada dan qadar. Qada adalah kehendak Allah s.w.t sebelum kejadian, sedangkan qadar adalah kehendak Allah setelah kejadian. Secara spesifiknya, qada ada dua, iaitu *qada mubram* dan *qada mu'allaq*. *Qada mubram* bermaksud sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t dan tidak berubah. Contohnya, seperti kelahiran atau kematian dan kejadian siang serta malam. Manakala *qada mu'allaq* pula bermaksud ketentuan Allah s.w.t terhadap sesuatu bersesuaian dengan usaha dan ikhtiar manusia. Sebagai contoh, kejayaan manusia bergantung kepada usaha dan ketekunan namun hasilnya tidak dapat diketahui sebelum ia berlaku. Walau bagaimanapun, *qada mu'allaq* masih dalam ketetapan Allah iaitu kadar atau batas tertentu dalam diri, sifat, atau kemampuan maksimum makhluk yang telah ditetapkan Allah s.w.t. Dalam konteks ini, Allah yang berhak untuk menentukan hasil ikhtiar manusia, sedangkan manusia itu diwajibkan untuk menyempurnakan ikhtiar dan doa.

Semua makhluk telah ditetapkan takdirnya oleh Allah. Oleh sebab itu, pemahaman mengenai takdir ini akan menentukan arah dan sikap seorang Muslim terhadap pelbagai hal yang terjadi selama hidupnya. Allah s.w.t membawa dan menunjukkan arah semua makhluk yang sebenarnya dalam tugas dan fungsi masing-masing dengan sangat jelas, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:



Sucikanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi, Yang Menciptakan (semua makhluk) dan Menyempurnakannya, yang Memberi takdir kemudian mengarahkan (nya).

(Surah *Al-A'la*, hlmn. 1-3)

Jika dilihat dari sudut operasional, Allah s.w.t tidak tertakhluk kepada masa atau ruang kerana Allah s.w.t yang telah menciptakan takdir tersebut. Walau bagaimanapun, sebagai umat Islam haruslah berusaha merubah takdir yang tidak baik itu kepada yang baik. Dalam konteks ini, Allah Maha Mengetahui tentang keseluruhan tempoh hidup hamba-Nya dari mula hinggalah ke akhir hayatnya. Oleh itu, adalah penting untuk seseorang individu itu untuk memberi perhatian terhadap kekeliruan tentang pemahaman takdir yang tersebar luas dalam masyarakat.

Za'ba (1980, hlmn. 48-49) menegaskan bahawa segala urusan dan segala tanggungan manusia, baik mengenai sesama manusia atau antara manusia dengan makhluk-makhluk lain di alam ini, atau antara manusia dengan Tuhan, semuanya “ibadat” yang asalkan dikerjakan atau disempurnakan dalam batas-batas yang diputuskan oleh Allah. Terdapat tiga tujuan hidup bagi manusia dalam agama Islam iaitu:

- (i) menakhlik dan memerintah segala kejadian makhluk dalam alam ini
- (ii) memperlakukan dirinya sesama manusia dengan adil dan saksama
- (iii) menyerahkan dirinya dengan sepenuh ikhlas kepada perintah dan kehendak Allah s.w.t



Hal ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan yang salah tentang konsep takdir ini akan melahirkan kepercayaan tahyul yang Allah s.w.t telah menentukan 'takdir' bagi setiap manusia, walhal takdir-takdir yang berlaku itu boleh diubah oleh manusia dengan cara sentiasa memohon dan berdo'a kepada-Nya. Hal ini jelas diperkatakan dalam hadis Riwayat Al-Tardmizi yang bermaksud "*Tidak boleh dihindari qada' melainkan dengan berdo'a*". Hadis tersebut menjelaskan bahawa do'a boleh mengubah qada' makhluk tetapi tidak merubah qada' mubram. Oleh itu, setiap Muslim digalakkan berdo'a kerana faedahnya ialah mendapat kasih sayang dan kelembutan Allah s.w.t kepada orang yang berdo'a apabila berlakunya qada'.

Memetik kata-kata Ali Ahmad (2002, hlmn. 60), takdir selalunya diertikan secara umum sebagai nasib baik atau buruk, walaupun lazimnya cenderung diberi konotasi nasib yang buruk. Setiap individu menjalani kehidupannya untuk menuju kepada matlamat-matlamat tertentu dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikira logikal mengikut kepercayaan agamanya. Dalam erti kata lain, konsep takdir dalam karya sastera lebih menjurus kepada rukun sebab dan akibat. Rukun sebab dan akibat ini bukanlah faktor mutlak yang membantu seseorang itu untuk mencapai matlamatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana penentuan faktor mutlak ini sudah ditentukan oleh satu tenaga ghaib di luar kuasa manusia, sama ada semangat, Dewata Mulia Raya, Allah s.w.t dan sebagainya mengikut kepercayaan agama masing-masing.





Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh yang membahaskan tentang konsep takdir ini, dapatlah dirumuskan bahawa takdir yang berlaku adalah dipengaruhi oleh faktor rukun sebab dan akibat. Oleh itu, memandangkan kesusasteraan dihasilkan daripada fikiran pengarang dan setiap manusia daripada apa-apa anutan agama pun mempercayai adanya takdir, maka konsep takdir itu wajar ditinjau daripada sikap pengarang dan unsur yang wujud dalam karya sastera tersebut. Genre sastera bukanlah sekadar prosa dan puisi yang menyajikan hiburan semata-mata, bahkan mempunyai fungsi yang paling dominan iaitu menyalurkan manfaat kepada khalayak dari aspek kandungan penceritaan yang terkandung dalam genre tersebut khususnya berkaitan dengan aspek kepercayaan iaitu takdir.

Keunikan genre sastera sebagai sebuah seni kata-kata, mampu menjadi wadah yang bermanfaat untuk pembangunan sesebuah tamadun yang mengajak khalayak berfikir secara kritis, dan mendorong melakukan kebaikan sekali gus memupuk rasa keinsafan terhadap takdir-takdir yang berlaku. Jadi, dalam mengupas konsep takdir dalam masyarakat Melayu tradisi, peninjauan terhadap beberapa perubahan tentang perbezaan konsep takdir yang melibatkan pemikiran masyarakat Melayu tradisi perlu diteliti secara kritis bagi memastikan sama ada konsep takdir tersebut benar-benar terikat dengan pengaruh budaya (adat) ataupun pengaruh agama Islam wajar diketengahkan sebagai satu wahana ilmiah.





1.8.2 Sastera sejarah

Winstedt (1969, hlmn. 156) mendefinisikan istilah sastera sejarah adalah satu istilah yang berasal daripada kata *history* yang membawa maksud sejarah. Makna sejarah ini turut diperkatakan oleh Liaw Yock Fang iaitu, perkataan sejarah sebenarnya berasal dari *syajarah* yang dalam bahasa Arab yang bererti pohon. *Syajarah al-nasab* ialah pohon susur galur. Satu istilah yang sering dipakai untuk pengertian sejarah ialah *salasilah*, *silsilah*. Jadi, dari istilah yang sering diguna pakai untuk pengertian sejarah ialah *silsilah*, daftar keturunan yang merupakan intisari dari sastera sejarah.

Zuber Usman (1963, hlmn. 41) pula menyifatkan karya sastera sejarah atau historiografi ini sebagai perpustakaan yang bersifat kebangsaan. Definisi ini juga disokong oleh Annas Hj. Ahmad (1973, hlmn. 110) yang mengatakan bahawa istilah pensejarahan ataupun historiografi membawa pengertian penulisan sejarah atau cara-cara sejarah ditulis serta dipaparkan ke dalam sesebuah karya. Manakala Rogayah A.Hamid (2009, hlmn. 31) berpendapat teks sastera sejarah merupakan satu sumber sejarah yang dapat memberikan sumbangan kepada ahli filologi untuk membuat hipotesis tentang sejarah perkembangan kekuasaan dan budaya bangsa Melayu di rantau Nusantara ini.

Sebagai kesimpulannya, karya sastera sejarah merupakan karya historiografi yang merupakan sumber tempatan yang paling berguna dalam menyampaikan maklumat-maklumat tentang manusia Melayu dan masyarakatnya pada zaman silam. Hal ini dikatakan demikian kerana karya sastera sejarah ini merupakan satu dokumen berharga yang mengandungi lunas-lunas tradisi politik, norma masyarakat serta nilai





sosial masyarakat peribumi pada zaman silam. Pendek kata, karya-karya ini memaparkan gambaran-gambaran yang jelas tentang garis kasar sejarah kehidupan masyarakat Melayu tradisi serta pelbagai nilai-nilai utama pada zaman tersebut yang berfungsi sebagai satu dokumen budaya bangsa Melayu.

1.8.3 Peranan pengarang istana

Dalam sastera Melayu tradisi, peranan pengarang istana dapat dijelaskan sebagai tanggungjawab pencerita dengan kondisi masyarakat sezaman. Braginsky (1988) mengatakan bahawa pengarang sastera tradisi boleh sahaja memilih untuk melahirkan karya yang bersifat *soothing text* iaitu karya yang meleakakan, melalaikan, menghiburkan ataupun karya yang bersifat *beneficial text* iaitu karya yang mendidik akal, minda, dan jiwa pembaca serta tidak bersifat melalaikan atau penuh nilai hiburan semata-mata.

Za'ba (1964, hlmn. 333) pula mendefinisikan peranan pengarang istana pada zaman masyarakat Melayu tradisi bermaksud tanggungjawab penulis karya di istana dengan tujuan untuk meninggikan lagi darjat raja-raja berkenaan melalui cerita-cerita yang dikarang atau disalin semula. Tindakan ini lebih merupakan satu bentuk tanggungjawab seseorang pengarang atau penyalin istana itu dalam melaksanakan tugas yang dititahkan oleh raja pada zaman dahulu sebagai garis panduan dan iktibar untuk tatapan generasi akan datang. Segala bentuk penceritaan adalah bertujuan untuk mengagung-agungkan kedudukan raja pada masa silam kerana pengarang istana masih lagi terikat dengan konsep ketaatan kepada raja yang memerintah.





Suatu ketika dahulu institusi istana berfungsi sebagai pusat perkembangan literasi dan penulisan sama ada dalam bentuk saduran atau asli serta merupakan lokasi tersimpannya buku-buku dan bahan-bahan bacaan yang lain. Memandangkan pengarang istana hidup dalam situasi berlatarbelakangkan istana, maka kepelbagaian sumber yang lebih rencam seperti dari Arab, Parsi, India, Jawa, dan sebagainya telah memberi peluang kepada pengarang istana untuk mengarang atau menyalin semula karya yang berkualiti tinggi. Sumber karya klasik yang terakam dalam bentuk yang kekal, membolehkan pengarang istana meneliti, memilih, mengubahsuai, dan mencantumkan semuanya untuk mencapai satu kesatuan yang utuh sehinggakan teks yang lahir daripadanya merupakan sebuah karya yang unik.

Menurut Noriah Taslim (1994, hlmn. 189), dalam situasi lisan, keistimewaan ini tidak diperoleh disebabkan cara penyampaiannya membataskan kreativiti dan individualiti. Seorang pengarang istana mungkin dipengaruhi oleh budaya lisan, tetapi tidak dikongkong oleh budaya itu. Medium penyampaian memberi kelonggaran kepadanya untuk meneliti, memilih repetoir budaya daripada khazanah silamnya untuk disesuaikan dengan keperluan teksnya. Kesan perkembangan kegiatan penulisan di istana menyebabkan lebih banyak catatan harian yang melibatkan kegiatan-kegiatan dan peristiwa-peristiwa sebenar berlaku dalam kalangan kerabat diraja. Pada setiap tahun bahan penceritaan sastera sejarah ini semakin bertambah dengan memasukkan peristiwa-peristiwa semasa.



Intinya, pengarang istana atau penyalin teks sastra sejarah ini merupakan seseorang individu yang sangat rapat dengan kerabat istana. Penghasilan teks-teks sastra sejarah ini timbul akibat daripada titah raja atau pemerintah pada zaman silam untuk merakamkan setiap peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Melayu tradisi agar dapat dijadikan panduan dan sempadan kepada anak cucu pada masa akan datang.